



Praktis Ekstra Unit 12 Remaja Berhemah Harapan Negara

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. TP 5

menjaga	memikat	mengharumkan	mempromosikan
menanam	meningkatkan	mengekal	membuka
menjalankan	mengiktiraf	mengelakkan	menjatuhkan

- Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat Malaysia telah _____ imej negara di mata dunia.
- Usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk _____ keunikan Malaysia telah banyak menarik perhatian pelancong asing.
- Sifat toleransi yang wujud antara masyarakat pelbagai kaum dapat _____ keamanan negara dan merupakan faktor utama kedatangan pelancong asing ke Malaysia.
- Para pelabur asing berani _____ modal di negara kita disebabkan kestabilan politik.
- Kemasukan pelabur asing _____ peluang pekerjaan kepada rakyat dan meningkatkan pendapatan negara.
- Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) 2023 telah _____ Malaysia sebagai negara yang ke-19 paling aman di dunia.
- Masyarakat yang harmoni dan bersatu padu di Malaysia telah _____ nama negara di pentas dunia.
- Asas perpaduan yang kukuh dan kebudayaan yang unik dapat _____ hati pelancong untuk berkunjung ke Malaysia.
- Remaja harus _____ diri daripada terjerumus dalam kancah sosial yang mencemarkan imej negara.
- Remaja yang mempunyai semangat patriotik dapat _____ pelbagai aktiviti pembangunan untuk meningkatkan taraf negara.
- Rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara perlu sentiasa _____ pertuturan dan tingkah laku agar tidak merosakkan nama negara.
- Rakyat perlu mengamalkan sikap amanah dan jujur supaya tidak melakukan kegiatan rasuah yang akan _____ maruah negara.